



**GARIS PANDUAN BAGI KELULUSAN KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH
SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP) BAGI
TABUNG PEMBELIAN SEKOLAH AGAMA**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
A	KRITERIA KELAYAKAN DAN PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP	
1.	Pendahuluan	3
2.	Kriteria dan Syarat-Syarat Kelayakan Bagi TBSA bagi Permohonan untuk Kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP	4
	2.1 Penubuhan TBSA	
	2.2 Ciri-ciri pembelian bangunan	
	2.3 Komposisi AJK TBSA	
	2.4 Pertimbangan Amaun Kelulusan	
3.	Prosedur Permohonan Oleh Jawatankuasa TBSA Untuk Kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP	6
B	KEWAJIPAN JAWATANKUASA TBSA SETELAH MENDAPAT KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP	
4.	Tanggungjawab Jawatankuasa TBSA Setelah Mendapat Kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP	8
	i. Objektif Kutipan Sumbangan dan Derma	
	ii. Tempoh Masa Kelulusan	
	iii. Lebihan dana kutipan	
	iv. Akaun bank TBSA	
	v. Penyata Kewangan TBSA	
	vi. Perlantikan dan pertukaran AJK TBSA	
	vii. Resit rasmi	
	viii. Dokumen pindah milik	
	ix. Lain-lain	
5.	Kesan Pelanggaran Syarat-syarat Kelulusan Oleh TBSA Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP	12
6.	Tempoh Masa Kelulusan dan Permohonan Lanjutan Tempoh Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP	13
7.	Punca Kuasa KPHDN Ke Atas Kelulusan Serta Pengenaan Syarat-Syarat dan Larangan Kelulusan	13
8.	Layanan Cukai Ke Atas Penderma	14
9.	Peringatan Penting	14

GARIS PANDUAN KETUA PENGARAH

Seksyen 134A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Ketua Pengarah fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia memperuntukkan penjelasan Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai atau memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya.

Ketua Pengarah boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. PENDAHULUAN

Garis panduan ini bertujuan menerangkan prosedur permohonan untuk kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan (ACP) bagi Tabung Pembelian Sekolah Agama (TBSA).

- 1.1 Garis panduan ini menggantikan Garis Panduan Permohonan untuk Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi Tabung Pembelian Sekolah Agama yang dikeluarkan pada 28 April 2021.
- 1.2 TBSA adalah sebuah tabung yang diwujudkan di Malaysia yang tidak bertujuan untuk mencari keuntungan semata-mata dan ia ditubuhkan hanya untuk mengutip dana bagi tujuan pembelian sekolah agama di Malaysia yang akan digunakan sepenuhnya bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran pelajar sekolah agama selaras dengan peruntukan perenggan 44(7)(a) ACP.
- 1.3 Garis panduan ini menerangkan:-
 - i. kriteria dan syarat-syarat kelayakan TBSA bagi permohonan untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP;
 - ii. prosedur permohonan oleh Jawatankuasa TBSA untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP;
 - iii. tanggungjawab Jawatankuasa TBSA setelah mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP;
 - iv. kesan pelanggaran syarat-syarat kelulusan oleh TBSA di bawah subseksyen 44(6) ACP;
 - v. tempoh masa kelulusan dan permohonan lanjutan tempoh kelulusan TBSA di bawah subseksyen 44(6) ACP;
 - vi. punca kuasa KPHDN ke atas kelulusan serta pengenaan syarat-syarat dan larangan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP; dan
 - vii. layanan cukai ke atas penderma TBSA yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

2. KRITERIA DAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN TBSA BAGI PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

Tujuan pewujudan TBSA hendaklah bagi pembelian sekolah agama yang berdaftar dan di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri / Jabatan Agama Islam Negeri / Jabatan Pendidikan Negeri. Sekolah agama yang dibeli juga mestilah mengguna pakai Kurikulum Kebangsaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] atau Kurikulum Diniyah di bawah pengawalan dan pemantauan Majlis Agama Islam Negeri / Jabatan Agama Islam Negeri.

2.1 Penubuhan TBSA

- a. Satu Jawatankuasa TBSA perlu dibentuk bagi tujuan kutipan dana/ sumbangan pembelian sekolah agama.
- b. Di bawah subseksyen 44(6) ACP, TBSA akan diluluskan sebagai sebuah tabung bagi tujuan semata-mata untuk pembelian sekolah agama sahaja.
- c. Ahli Jawatankuasa Tabung Pembelian Sekolah Agama (AJK TBSA) yang dilantik mestilah menjalankan tanggungjawab berdasarkan Peraturan Tabung Pembelian Sekolah.
- d. Kelulusan daripada Majlis Agama Islam Negeri/ Jabatan Agama Islam Negeri / Jabatan Pendidikan Negeri mengikut jenis sekolah adalah diperlukan sebelum urusan pembelian sekolah dijalankan.
- e. Berikut adalah kelulusan yang diperlukan mengikut jenis-jenis sekolah:

Bil	Sekolah	Kelulusan
i.	Sekolah Agama Bantuan Penuh Milik Kerajaan [Sekolah Agama Rakyat (SAR)]	Jabatan Agama Islam Negeri/ Majlis Agama Islam Negeri / Jabatan Pendidikan Negeri.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

ii.	Sekolah Agama Bukan Milik Kerajaan [Sekolah Agama Swasta (SAS)]	Jabatan Agama Islam Negeri/ Majlis Agama Islam Negeri / Jabatan Pendidikan Negeri
-----	---	--

2.2 Ciri-ciri pembelian bangunan

- a. Bangunan yang dibeli mestilah telah siap dibina dan telah dikeluarkan Sijil Layak Menduduki (CFO) oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- b. Bangunan yang masih dalam proses pembinaan adalah tidak layak bagi tujuan permohonan kelulusan TBSA di bawah subseksyen 44(6) ACP.
- c. Pembelian bangunan sekolah mestilah sebuah sekolah agama yang berdaftar dan di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri/ Jabatan Agama Islam Negeri / Jabatan Pendidikan Negeri.
- d. Pembelian bangunan sekolah adalah untuk kegunaan sekolah agama yang mengguna pakai Kurikulum Kebangsaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] atau Kurikulum Diniah di bawah pengawalan dan pemantauan Majlis Agama Islam Negeri/ Jabatan Agama Islam Negeri.

2.3 Komposisi AJK TBSA

AJK TBSA boleh dilantik daripada kalangan Anggota Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) yang terdiri daripada pemegang amanah, wakil Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG) , Alumni Murid Tua dan sebagainya.

Sekiranya lantikan AJK TBSA adalah daripada kalangan bukan LPS, lantikan tersebut mestilah ke atas mana-mana individu yang terdiri daripada orang luar dan bukan ahli keluarga kepada LPS. LPS yang bertanggungjawab juga tidak boleh membentuk satu gabungan yang mewakili sekolah lain seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

2.4 Pertimbangan amaun kelulusan

- a. Jumlah amaun kelulusan yang layak dipertimbangkan adalah terhad kepada harga pembelian bangunan sekolah agama itu sahaja.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Manakala, kos yang berkaitan dengan yuran guaman, peralatan, perabot atau kos lain yang tidak dinyatakan sebagai sebahagian daripada harga pembelian sekolah agama tersebut tidak akan diambil kira.

- b. Jumlah amaun kutipan derma/ sumbangan yang diterima sebelum kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP, tidak akan diambil kira sebagai amaun kutipan yang dibenarkan di bawah subseksyen 44(6) ACP.

3. PROSEDUR PERMOHONAN OLEH JAWATANKUASA TBSA UNTUK KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

3.1 Orang yang layak mengemukakan permohonan untuk kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(6) ACP adalah Pengerusi TBSA.

3.2 Permohonan tersebut hendaklah dibuat melalui surat rasmi dengan menggunakan kepala surat rasmi TBSA yang lengkap dengan alamat surat-menyerut, emel dan nombor telefon.

3.3 Dokumen sokongan lengkap yang diperlukan adalah seperti berikut:-

(a) Dokumen berkenaan LPS yang menubuhkan TBSA (sekiranya berkaitan):

- i- Salinan sijil pendaftaran daripada Pendaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].
- ii- Salinan peraturan yang mengurus tadbir LPS seperti berikut:
 - Peraturan-Peraturan Pendidikan (Sumbangan) 1962 (Pindaan) 1963, 1966, 1968, 1971 dan 1974;
 - Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan (Suratcara Pengurusan atau Pengelolaan) 1963 (Pindaan) 1966; dan
 - Peraturan-Peraturan Sekolah Bantuan (Pengurusan) 1962.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- iii- Salinan Perlembagaan, Surat Ikatan, Undang-Undang Kecil atau Kaedah - Kaedah yang telah diluluskan oleh Majlis Agama Islam Negeri / Jabatan Agama Negeri / Jabatan Pendidikan Negeri
 - iv- Senarai keanggotaan LPS yang lengkap dengan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang dipegang.
- (b) Dokumen berkenaan TBSA:
- i- Ketetapan atau minit mesyuarat yang memutuskan penubuhan TBSA dan meluluskan Undang-Undang Kecil TBSA.
 - ii- salinan Kaedah-Kaedah atau Undang-Undang Kecil TBSA yang mengandungi fasal berkenaan nama, alamat, tujuan kawalan pengurusan, kawalan penggunaan kewangan, penyata kewangan kira-kira beraudit, penggunaan kewangan, syarat-syarat pembinaan, pindaan kepada fasal dan pembubaran Undang-Undang Kecil.
 - iii- Senarai AJK TBSA yang lengkap dengan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang dipegang dalam jawatankuasa tersebut.
- (c) Dokumen sokongan lain :
- i- surat kelulusan pertukaran status bangunan kediaman/ komersial kepada sekolah dan lesen kelulusan beroperasi yang telah diluluskan oleh PBT;
 - ii- sekiranya derma telah mula dipungut daripada orang ramai, nyatakan tarikh derma pertama mula dipungut dan juga jumlah yang telah dipungut sehingga tarikh permohonan;
 - iii- jumlah bantuan wang kerajaan (geran/ subsidi) atau mana-mana punca yang telah diterima atau dijanjikan jika ada; dan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- iv- surat sokongan atau surat pengesahan bahawa bangunan yang dibeli tersebut bertujuan untuk pembelajaran dan pengajaran pelajar-pelajar sekolah agama semata-mata.

3.4 Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:-

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Sektor Dasar Percukaian
Aras 17, Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8,
63000 Cyberjaya, Selangor.

4. TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TBSA SETELAH MENDAPAT KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

4.1 TBSA yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:-

i. Objektif kutipan sumbangan dan derma -

Kesemua wang sumbangan dan derma yang telah diterima hendaklah dibelanjakan semata-mata untuk membeli bangunan sekolah di Malaysia sepertimana yang dipohon dan akan digunakan sepenuhnya bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran pelajar sekolah agama.

Perbelanjaan bagi maksud pembelian perabot, peralatan, pembaikan, penyelenggaraan dan lain-lain kemudahan bagi sekolah adalah tidak dibenarkan.

ii. Tempoh masa kelulusan adalah berdasarkan:

- tempoh 12 bulan dari tarikh wang kutipan yang diluluskan KPHDN telah mencukupi; atau
- tempoh dua (2) tahun dari tarikh kelulusan oleh KPHDN, yang mana terdahulu;

iii. Lebihan dana kutipan -

Lebihan wang derma atau sumbangan selepas bangunan dibeli hendaklah dimaklumkan kepada KPHDN dan satu permohonan kelulusan untuk lebihan wang derma atau sumbangan dimasukkan dalam Tabung Pengurusan Sekolah perlu dikemukakan kepada KPHDN.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

iv. Akaun bank TBSA

Pihak AJK TBSA perlu membuka akaun bank berasingan bagi penerimaan wang kutipan derma/sumbangan untuk tujuan pembelian sekolah.

v. Penyata Kewangan TBSA

Penyata kewangan tahunan yang lengkap hendaklah disediakan secara berasingan daripada penyata kewangan pengurusan sekolah.

Sesalinan penyata kewangan tahunan yang telah diaudit oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau juruaudit yang bertauliah hendaklah dikemukakan ke Sektor Dasar Percukaian, LHDNM selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya sehingga program atau projek tersebut tamat.

vi. Pelantikan dan pertukaran AJK TBSA

Bagi tujuan kesinambungan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP, setiap pelantikan baharu atau pertukaran AJK TBSA hendaklah dimaklumkan dalam tempoh tiga (3) bulan dan mendapat kelulusan daripada KPHDN terlebih dahulu.

vii. Resit rasmi

Semua sumbangan yang diterima hendaklah dikeluarkan resit rasmi (telah disahkan oleh LHDNM) yang mengandungi maklumat berikut:-

- a. nama, alamat dan nombor telefon TBSA;
- b. nombor siri resit rasmi yang bercetak (*preprinted*);
- c. tarikh resit;
- d. nama penderma berserta nombor kad pengenalan/ nombor passport/ no. pendaftaran perniagaan dan alamat surat menyurat penderma;
- e. amaun yang didermakan;
- f. jawatan pemungut (collector) seperti Presiden atau Bendahari; dan
- g. catatan berikut di bahagian bawah sebelah kiri resit/ ruang yang

boleh dilihat dengan jelas –

“Potongan Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967:

No. Rujukan: LHDN.AG.600-12/1/4-6.XXX

Tempoh kuat kuasa: hh/bb/tttt hingga hh/bb/tttt”

- h. Sebarang penggunaan resit elektronik atau e-Resit perlu mendapatkan kelulusan dan kebenaran KPHDN melalui permohonan bertulis secara rasmi.
- i. Pelaksanaan e-Invois
- e-Invois adalah terpakai kepada TBSA yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP bagi transaksi penerimaan derma atau hadiah wang.
 - e-Invois dilaksanakan secara berperingkat oleh TBSA mengikut garis masa pelaksanaan mandatori yang ditetapkan dalam perenggan 1.5, Garis Panduan e-Invois
 - Walau bagaimanapun, TBSA boleh memilih untuk melaksanakan e-Invois secara sukarela pada tarikh yang lebih awal berbanding garis masa yang ditetapkan.
 - Kaedah pelaksanaan e-Invois adalah seperti berikut:

Kaedah
(i) Jika penderma meminta e-Invois • TBSA dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi transaksi penerimaan derma atau hadiah wang. • Pengeluaran resit rasmi (<i>preprinted</i>) subseksyen 44(6) ACP bagi transaksi penerimaan derma atau hadiah wang tidak lagi diperlukan sekiranya e-Invois telah dikeluarkan kepada penderma. • TBSA tidak perlu mendapatkan kelulusan dan kebenaran KPHDN terlebih dahulu jika e-Invois dikeluarkan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan. (ii) Jika penderma tidak meminta e-Invois • TBSA dikehendaki mengeluarkan resit rasmi (<i>preprinted</i>) subseksyen 44(6) ACP mengikut garis panduan yang dikeluarkan dan/ atau ketetapan mengikut kelulusan yang

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

diberikan oleh KPHDN; dan

- TBSA menjumlahkan semua transaksi penerimaan derma atau hadiah wang secara bulanan dan menghantar e-Invois yang disatukan (*consolidated e-Invoice*) dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.

Nota:

- Bagi penderma yang tidak mengemukakan maklumat lengkap, IOT perlu menjumlahkan semua transaksi penerimaan derma atau hadiah wang tersebut secara bulanan dan menghantar e-Invois yang disatukan (*consolidated e-Invoice*) dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.
- Bagi tujuan pengeluaran e-Invois (termasuk e-Invois yang disatukan), butiran yang dinyatakan dalam perenggan vii (g) hendaklah dimasukkan ke dalam ruangan “Keterangan Produk atau Perkhidmatan”. Maklumat tersebut hendaklah sama dengan butiran kelulusan yang terkandung dalam resit rasmi (*preprinted*) subseksyen 44(6) ACP.
- Mulai 1 Januari 2026, bagi penerimaan derma atau hadiah wang melebihi RM10,000 dalam satu transaksi, penderma wajib mengemukakan maklumat lengkap seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1, Garis Panduan e-Invois untuk tujuan pelaksanaan e-Invois.

viii. Dokumen pindah milik

Selepas selesai urusan pembelian sekolah, Jawatankuasa TBSA hendaklah mengemukakan dokumen sokongan pembelian kepada pihak LHDNM seperti berikut:

- Perjanjian Jual Beli;
- Borang Pindah Milik (Borang 14A, Kanun Tanah Negara); dan
- Dokumen Ikatan Hak Milik bangunan (geran).

ix. Lain-lain

- a. Mengemukakan kepada pihak LHDNM senarai penderma yang telah menderma kepada TBSA bagi amaun RM20,000.00 dan ke atas.
- b. TBSA dilarang mengguna pakai logo LHDNM bagi semua dokumen bercetak, media massa, resit dan sebagainya.
- c. Satu laporan pembelian bangunan yang telah selesai berserta surat pengesahan bank berkenaan penutupan akaun hendaklah dihantar ke Sektor Dasar Percukaian, LHDNM.
- d. TPBRI yang ditubuhkan tidak melibatkan sebarang kegiatan politik atau gerakan Kesatuan Sekerja.

5. KESAN PELANGGARAN SYARAT-SYARAT KELULUSAN OLEH TBSA DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

- 5.1 Setiap TBSA yang telah diluluskan oleh KPHDN di bawah subseksyen 44(6) ACP akan menikmati pengecualian cukai di bawah subsubperenggan 13(1)(a) Jadual 6, ACP.
- 5.2 Walau bagaimanapun, cukai pendapatan boleh dikenakan kepada mana-mana TBSA yang melanggar syarat dan larangan kelulusan semasa dalam tempoh kelulusan KPHDN berkuat kuasa.
- 5.3 Kadar cukai akan dikenakan mengikut jenis fail cukai yang didaftarkan dan cukai akan dibangkitkan pada tahun taksiran pelanggaran syarat itu berlaku.
- 5.4 Dalam perenggan 5.2. perkataan 'syarat dan larangan kelulusan' termasuk syarat kelulusan dan tanggungjawab TBSA dalam garis panduan ini serta syarat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.
- 5.5 Walau apapun dinyatakan dalam perenggan 5.2 garis panduan ini, KPHDN atas budi bicaranya boleh menarik balik kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP berdasarkan merit kesalahan sesuatu pelanggaran syarat.
- 5.6 Dalam situasi di mana TBSA tiada pendapatan bagi sesuatu tahun taksiran

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

dalam tempoh kelulusan dan berlakunya pelanggaran syarat, KPHDN boleh menggunakan kuasa di bawah seksyen 148 ACP untuk memendekkan / menarik balik status kelulusan TBSA di bawah subseksyen 44(6) ACP.

6. TEMPOH MASA KELULUSAN DAN PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

6.1 Tempoh masa kelulusan adalah dalam -

- (a) 12 bulan dari tarikh wang kutipan yang diluluskan oleh KPHDN telah mencukupi; atau
- (b) dua (2) tahun dari tarikh kelulusan TBSA,

yang mana terdahulu;

6.2 Sekiranya lanjutan tempoh kelulusan diperlukan, TBSA hendaklah mengemukakan permohonan rasmi secara bertulis kepada KPHDN dalam tempoh enam (6) bulan sebelum kelulusan sedia ada tamat berserta alasan dan dokumen sokongan.

6.3 Lanjutan tempoh kelulusan akan diberikan pertimbangan oleh KPHDN berdasarkan semakan rekod pematuhan syarat kelulusan terdahulu dan dokumen sokongan terkini yang dikemukakan.

7. PUNCA KUASA KPHDN KE ATAS KELULUSAN SERTA PENGENAAN SYARAT-SYARAT DAN LARANGAN KELULUSAN

Syarat-syarat kelulusan dan tanggungjawab Jawatankuasa TBSA yang disenaraikan di dalam garis panduan ini tidak mengehadkan atau menjejaskan kuasa KPHDN di bawah seksyen 148 ACP berkenaan dengan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP.

TBSA hendaklah sentiasa mematuhi syarat dan larangan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

Garis panduan ini adalah terpakai kepada semua TBSA yang masih berkuat kuasa kelulusannya oleh KPHDN di bawah subseksyen 44 (6) ACP atau Ordinan Cukai Pendapatan 1947 tanpa mengambil kira tarikh kelulusan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

8. LAYANAN CUKAI KEPADA PENDERMA TBSA YANG DILULUSKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP.

- 8.1 Penderma yang memberi sumbangan dalam bentuk tunai kepada TBSA yang telah diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP dan disokong oleh resit rasmi layak mendapat tolakan daripada pendapatan agregat atas sumbangan tersebut.
- 8.2 Sumbangan berupa barangan boleh diterima oleh TBSA tetapi tidak layak untuk mendapat resit tolakan cukai dan potongan cukai.
- 8.3 Bagi derma atau sumbangan tunai di bawah kelulusan KPHDN, amaun pelepasan adalah terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat individu atau syarikat.

9. PERINGATAN PENTING

Mulai tahun taksiran 2024, sekiranya TBSA melanggar mana-mana syarat dan larangan yang ditetapkan, TBSA akan dikenakan cukai bagi tahun taksiran yang mana pelanggaran syarat berlaku walaupun dalam tempoh kelulusan masih berkuat kuasa.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

TARIKH: 28 JANUARI 2026

LHDN.AG.600-1/10/19